

# Penyelidikan dalam kampus

VB 15.5.2019 A8

► UMS wujudkan kebun penyelidikan, hasil kerjasama dengan syarikat swasta

Oleh YAP SIONG HAN

**KOTA KINABALU:** Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini boleh melakukan penyelidikan dalam kampus sendiri apabila kebun penyelidikan diwujudkan.

Pengarah Syarikat Yun Fook Resources Sdn Bhd Datuk Yap Yun Fook berkata, setelah termeterainya memorandum perjanjian (MoA) di antara UMS dan syarikatnya itu, ia sekaligus membolehkan para pelajar melakukan penyelidikan dalam kampus sendiri tanpa perlu pergi jauh.

“Kebun Penyelidikan Durian dan buah-buahan lain di atas tanah UMS yang bakal dibangunkan ini akan menyediakan satu platform memudahkan kerja program penyelidikan, praktikal lapang, latihan industri dan sebagainya kepada pelajar UMS.

“Pensyarah juga mampu memantau pelajar dan kerja penyelidikan dengan mudah serta lebih berkesan,” katanya.

dalam majlis menandatangani MoA antara UMS dan Syarikat Yun Fook Resources Sdn Bhd, di sini pada Selasa.

Beliau berkata, kemudahan seumpamanya memberi peluang kepada para pelajar menceburkan diri secara langsung dalam mempelajari teknik-teknik kemahiran hidup.

Katanya, selepas tamat pengajian nanti, mereka juga boleh bergiat langsung dalam sektor pertanian dalam menjaga keselamatan makanan selain mampu memperolehi pendapatan tinggi.

“Semoga dengan adanya kebun penyelidikan ini, para pelajar akan mempunyai kemudahan yang lengkap dalam mempelajari bidang pertanian secara komersil,” katanya.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr D Kamarudin, D Mudin dan Pengerusi Lembaga Pengarah UMSKY Mustafa serta tetamu kehormat yang lain.



YAP (duduk, dua kanan), Mustafa (duduk tengah) dan Kamarudin (duduk, dua kiri) bersama tetamu kehormat lain.